

Dasar luar seimbang dikekalkan

WASHINGTON 19 Julai — Malaysia akan terus melaksanakan pendekatan yang seimbang dalam dasar luarnya termasuk bagi menangani isu-isu utama antarabangsa dan pendirian itu diharapkan dapat difahami oleh semua negara termasuk Amerika Syarikat (AS).

Pendirian tersebut dinyatakan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi semasa menerima kunjungan Setiausaha Negara AS, Colin Powell di Hotel Willard Intercontinental di sini hari ini.

Pertemuan selama setengah jam itu yang berlangsung kira-kira pukul 10 pagi (10 malam waktu Malaysia) turut menyentuh beberapa perkara mengenai kerjasama dua hala dan isu keselamatan antarabangsa.

Difahamkan, Abdullah mengambil kesempatan

menjelaskan pendekatan Malaysia yang mahu mengukuhkan hubungan dengan AS tetapi komited mengamalkan dasar luar yang seimbang.

Ini bermakna Malaysia tetap bersuara jikapun berbeza pandangan dengan AS dalam isu-isu antarabangsa.

"Pertemuan itu berlangsung dalam suasana mera," kata seorang diplomat Malaysia.

Turut hadir dalam pertemuan itu ialah Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, Timbalan Ketua Setiausaha I, Datuk Salim Hashim dan Duta Malaysia ke AS, Datuk Ghazzali Sheikh Abdul Khalid.

Tiada kenyataan dikeluarkan selepas pertemuan kerana Abdullah mempunyai atur cara yang padat termasuk kemuncak lawatan — pertemuan dengan Presiden AS, George W. Bush pada pukul 3 petang

(3 pagi, 20 Julai waktu Malaysia) di White House.

Bush dan Abdullah dijadualkan mengadakan kenyataan media bersama selepas pertemuan.

Pertemuan ini adalah kali pertama sejak Abdullah menjadi Perdana Menteri, akhir tahun lalu. Abdullah yang juga Pengerusi Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) dan Pergerakan Negara Berkecuali (NAM) mengadakan lawatan rasmi ke AS atas undangan Bush.

Selepas pertemuan dengan Powell pagi ini, Perdana Menteri menerima kunjungan wakil perdagangan AS, Robert B. Zoellick. Tumpuan perbincangan ialah hubungan perdagangan antara kedua-dua negara yang kini pada tahap memuaskan.

AS rakan dagang terbesar selain merupakan pasaran terbesar bagi produk Malaysia.

Malaysia pula rakan dagang ke-10 terbesar bagi AS.

Baru-baru ini, kedua-dua negara negara memeterai Perjanjian Rangka Kerja Perdagangan dan Pelaburan (TIFA) yang bertujuan memperkukuhkan lagi interaksi dua hala dalam kerjasama perdagangan dan ke arah pasaran lebih terbuka.

Abdullah kemudian diwawancara oleh Jim Clancy dalam program CNN *Your World Today* yang disiarkan secara langsung menerusi stesen terkemuka itu dan diikuti satu lagi wawancara dengan Nora Boustany dari *Washington Post*.

Petang ini Perdana Menteri akan mengadakan pertemuan dengan pelajar Malaysia pada majlis minum petang di Kedutaan Malaysia dan disusuli kunjungan Pengerusi bersama Kerjasama Perdagangan, Keselamatan dan



ABDULLAH Ahmad Badawi bersalaman dengan Setiausaha Negara Amerika Syarikat (AS), Colin Powell ketika mengadakan lawatan kerja ke AS di Washington, semalam. — Gambar AP

Ekonomi Malaysia-AS iaitu dua Ahli Kongres AS, Gregory Meeks dan Pete

Sessions. Beliau juga akan menghadiri majlis makan malam Majlis Perniagaan

AS-ASEAN yang turut dihadiri duta-duta dari negara anggota ASEAN.

Esok, Perdana Menteri akan ke Paris untuk lawatan dua hari. — *Utusan*